



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat  
Pendaftar  
UTM  
Kuala Lumpur

## DEFINISI

Pegawai/pekerja berpencen yang didapati tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya kerana kelemahan akal dan tubuh yang kekal hendaklah dihadapkan ke Lembaga Perubatan dan berasaskan perakuan lembaga tersebut dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri untuk dibersarakan seperti yang digariskan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995. Faedah persaraan termasuk pencen yang tidak kurang daripada satu perlima daripada gaji akhir yang diterima layak diberi kepada mereka pada tarikh persaraan.

# BERSARA ATAS SEBAB KESIHATAN

*inovatif · entrepreneurial · global*

Pejabat Pendaftar  
**(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)**  
Universiti Teknologi Malaysia  
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830  
Fax: 03-26934344

Website : [registrar.utm.my/kualalumpur/](http://registrar.utm.my/kualalumpur/)

**Pejabat Pendaftar**

Bahagian Pengurusan Modal Insan

## Syarat-syarat

- ◆ Pegawai yang telah disahkan dalam jawatan.
- ◆ Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Pencen hendaklah berpuashati atas keterangan doktor dalam Laporan Perubatan bahawa anggota itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal.
- ◆ Tarikh kuatkuasa persaraan adalah sehari selepas tarikh kepuasan hati Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Pencen atau sehari selepas habisnya cuti rehat. (Tarikh sebenar diputuskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam selepas menerima dokumen lengkap oleh majikan).
- ◆ Anggota boleh diberi cuti Perubatan Khas atas gaji penuh (sekiranya tiada cuti rehat atau selepas cuti rehatnya habis) mulai tarikh berikutan keluarnya laporan Lembaga Perubatan hingga tarikh sehari sebelum tarikh kelulusan persaraan. Sekiranya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Pencen tidak berpuashati dengan laporan/keterangan Lembaga Perubatan, anggota hendaklah kembali bertugas dengan serta merta.

## Faedah Persaraan

### ◆ Pencen Perkhidmatan

**1 X Bulan Perkhidmatan X Gaji Pokok (Akhir)**  
600

- ◆ Tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir diterima.
- ◆ tidak boleh kurang daripada satu perlima daripada gaji akhir yang diterima;
- ◆ Tidak kurang dari RM280 sebulan bagi tempoh perkhidmatan yang dimasukkira 300 bulan atau lebih.

### ◆ Ganjaran Perkhidmatan

**7.5 X Bulan Perkhidmatan X Gaji Pokok (Akhir)**  
100

### ◆ Gantian Cuti Rehat (GCR)

**1 X Jumlah GCR X (Gaji Pokok + Imbuhan Tetap)**  
30

**Nota : Jumlah GCR adalah tertakluk kepada maksimum 150 hari.**

## Pencen Hilangupaya

Pencen Hilangupaya merupakan faedah tambahan yang diberikan kepada seseorang anggota Kerajaan yang dikehendaki bersara atas sebab-sebab kesihatan akibat daripada:

- ◆ kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas-tugas rasminya;
- ◆ penyakit yang dihidapinya kerana anggota tersebut telah terdedah kepada bahaya-bahaya tertentu semasa menjalankan tugas-tugas rasminya; atau
- ◆ kemalangan dalam perjalanan; dengan syarat kecederaan atau penyakit bukan disebabkan oleh kecuaiian atau salahlaku anggota tersebut.

### KADAR PENCEN HILANGUPAYA:

DARJAH KECACATAN	KADAR YANG DIBAYAR
Tercacat sedikit	1/8 daripada gaji akhir hakiki
Tercacat	1/4 daripada gaji akhir hakiki
Tercacat pada matannya	3/8 daripada gaji akhir hakiki
Musnah sama sekali	1/2 daripada gaji akhir hakiki